

**Kenyataan media
Untuk edaran segera**

MDEC Umumkan Pelantikan Ketua Transformasi Modal Insan Baharu Untuk Pacu Agenda Perubahan Sumber Manusia Yang Strategik

- *Perlantikan ini merupakan perancangan untuk meningkatkan penciptaan semula struktur dan budaya MDEC dalam usaha menyampaikan agenda transformasi digital negara dengan lebih baik.*

Cyberjaya, 7 Januari 2020: Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) mengumumkan pelantikan Nazral Safril Mohammad Sapari sebagai Pengarah Modal Insan baharu. Berpengalaman lebih 25 tahun dalam bidang pengurusan sumber manusia, beliau akan meneruskan perancangan dan pelaksanaan fungsi, pentadbiran dan operasi bersepadu untuk MDEC.

Pelantikan ini sejajar dengan visi mencipta semula pendekatan MDEC yang merupakan agenda perubahan strategik untuk mencapai objektif menjadi organisasi berprestasi dan berimpak tinggi. MDEC juga memperkenalkan Metrik Penilaian Input, Output, Outcome & Impact (IOOI) untuk menyelia peruntukan dan penggunaan sumber masa depan selain mengukur secara berkesan sumbangan sosioekonomi organisasi kepada masyarakat.

Dalam menyokong agenda perubahan ini, Nazral Safril diyakini akan mendorong peningkatan yang berterusan untuk kecemerlangan operasi berdasarkan penyelarasan fungsi sumber manusia. Selain itu, beliau juga dijangka akan menyumbang kepada strategi perniagaan, mengembangkan perancangan dan program sumber manusia supaya selaras dengan strategi kebangsaan MDEC.

Sebelum menyertai MDEC, Nazral Safril merupakan Pengurus Besar Sumber Manusia dan Pentadbiran di Touch'n Go Sdn. Bhd. dan telah memainkan peranan penting dalam melaksanakan agenda transformasi. Ini termasuklah menyelaraskan inisiatif berdasarkan pengalaman yang dimiliki tenaga kerja supaya selari dengan hala tuju perniagaan syarikat yang sentiasa berubah termasuk aspek pembayaran mikro serta penggunaan penyelesaian teknologi digital. Hasilnya, syarikat berkenaan diiktiraf sebagai majikan pilihan oleh Institut Sumber Manusia Malaysia pada 2019.

Beliau turut mempunyai rekod prestasi cemerlang apabila berjaya menggabungkan strategi operasi dan penyelarasan sumber manusia. Pada masa sama, Nazral Safril juga mempunyai pengalaman luas dalam bidang sumber manusia di pelbagai institusi kewangan tempatan dan antarabangsa termasuk di Alliance Investment Bank Berhad (1999-2005), Ambank Group (2008-2009), Alinma Bank (2009-2012) dan Ketua Serantau Sumber Manusia di CIMB Bank bermula 2012 hingga 2016 sebelum menyertai Touch n Go Sdn. Bhd.

Berdasarkan latar belakang berkenaan, Nazral Safril berkata, beliau gembira diberi peluang untuk memimpin jabatan modal insan di MDEC yang dianggapnya sebagai luar biasa untuk menempuh fasa pertumbuhan yang berikutnya. "Saya berpendapat



apabila sesuatu tugas diberikan, ia perlu dilakukan dengan bersungguh dan sepenuh hati serta memberi nilai tambah atau jangan di terima jika tidak bersedia," katanya.

Menerusi jawatan berkenaan, Nazral Safril yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sumber Manusia dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Diploma Lanjutan Perniagaan dan Pengurusan dari Institut Pengajian Tinggi Swansea, United Kingdom (UK) akan bekerjasama rapat dengan Ketua Pegawai Eksekutif MDEC, Pn Surina Shukri dan Majlis Operasi MDEC yang meneraju empat teras iaitu perniagaan strategik digital, pelaburan digital, bakat digital dan MDEC Digital untuk mendorong jangkauan digital berimpak tinggi kepada masyarakat dan ekonomi.

"Ketika meraikan ulang tahun ke- 25 penubuhan MDEC pada tahun ini, agensi mempunyai keupayaan berdasarkan apa yang dimiliki oleh masa depan digital Malaysia. MDEC akan terus memimpin ekonomi digital Malaysia ke hadapan, dengan membabitkan sumbangan berpandukan struktur yang dimiliki serta bakat luar biasa yang akan direkrut. Saya mengalu-alukan kehadiran Nazral Safril ke pasukan MDEC dan berharap dapat bekerjasama dengan erat kerana kami sedang mencipta semula MDEC untuk manfaat pelbagai lapisan rakyat dan seterusnya mencapai visi Malaysia 5.0," kata Pengerusi MDEC, Datuk Wira Dr. Hj. Rais Hussin Mohamed Ariff.

-TAMAT-

Mengenai Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)

Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) merupakan agensi di bawah seliaan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang diamanahkan untuk menerajui pembangunan ekonomi digital negara. Ditubuhkan pada 1996, mandat MDEC termasuk memacu penerapan mengguna pakai teknologi digital di kalangan rakyat, pembangunan bakat yang mampu memenuhi kehendak industri, merangka dasar-dasar ekonomi digital serta mewujudkan juara dalam bidang ekonomi digital di peringkat global.

Untuk memastikan masa depan Malaysia menghadapi era digital terjamin, MDEC akan bersandarkan rekod prestasinya yang kukuh, kredibiliti di kalangan industri dan kepimpinan yang berpengalaman untuk mengaitkan, memangkinkan dan mengkomersialkan inisiatif- inisiatif digital yang bertujuan untuk menggiatkan kemajuan ekonomi digital yang sedang berkembang dengan pesat dan mampan serta menjadikan kepelbagaian dan keterangkuman sebagai terasnya.

MDEC juga akan terus memacu pertumbuhan ekonomi digital berimpak tinggi selaras dengan Wawasan Kemakmuran Negara 2030 dan mengukuhkan reputasi negara sebagai Nadi Digital ASEAN.

#LetsBuildTogether #DigitalMalaysiaForward #DigitalvsCovid

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang inisiatif-inisiatif ekonomi digital yang dilaksanakan

oleh MDEC sila layari www.mdec.my atau ikuti kami di:

Facebook: <https://www.facebook.com/MyMDEC/>

Twitter: @mymdec